

15 JAN 2004  
Abdullah-BN  
NAJIB DILANTIK TIMBALAN PENGERUSI BN

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini sebulat suara melantik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Pengerusi BN.

Perdana Menteri dan pengerusi BN Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengumumkan demikian, berkata Najib juga dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa pengurusan BN.

Abdullah turut mengumumkan penarikan diri Tan Sri Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha Agung BN berkuatkuasa serta-merta dan digantikan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga Menteri Penerangan.

Jawatan bendahari yang sebelum ini dipangku oleh bekas Perdana Menteri dan bekas pengerusi BN Tun Dr Mahathir Mohamad kini diambil-alih oleh beliau, kata Abdullah pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdullah juga berkata mesyuarat turut meluluskan senarai nama pengerusi BN peringkat bahagian yang dicadangkan kepada dewan itu oleh negeri-negeri.

Perdana Menteri berkata semua parti komponen BN telah diarah untuk sentiasa mempertingkatkan hubungan kerjasama dan memperkukuhkan parti masing-masing dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang yang masih belum ditentukan bila akan diadakan.

" Kita tahu kita kena kerja kuat dalam bersiap sedia menghadapi pilihan raya (umum)," katanya.

Ditanya sama ada beliau telah mendapat ilham untuk mengadakan pilihan raya, Abdullah berkata: "Belum dapat ilham."

Beliau juga berkata mesyuarat itu tidak membincangkan pembahagian kerusi di kalangan anggota komponen BN sebagai persiapan pilihan raya umum terutama dengan adanya tambahan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Mengenai kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang

dibatalkan  
pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan berikutan krisis kepimpinan  
dalam  
parti itu, Abdullah berkata beliau dimaklumkan bahawa ROS telah  
menerima  
surat rayuan daripada parti itu.

Sementara itu, Najib ketika diminta mengulas pelantikannya  
berkata  
beliau berterima kasih kepada Abdullah dan juga pemimpin parti  
komponen  
terhadap kepercayaan yang diberi kepadanya.

"Saya lihat semangat BN cukup memberangsangkan, bersatu, kukuh  
dan  
bersedia menghadapi apa-apa cabaran untuk pilihan raya (umum akan  
datang),"  
katanya.

Mengenai bidang tugas yang akan dilakukannya, Najib berkata  
beliau akan  
berbincang dengan Abdullah mengenai bidang keutamaan tugas barunya  
itu.

"Tapi pastinya ia berkisar persiapan parti-parti komponen (BN)  
untuk  
kemenangan yang meyakinkan pada pilihan raya umum," katanya.

Najib dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 7 Jan  
lepas.

Mohamed pula ketika ditemui pemberita enggan mengulas lanjut  
mengenai  
peletakan jawatannya yang berkuatkuasa serta merta.

"Saya tidak mahu bercakap apa-apa lagi hari ini. Saya akan  
mengadakan  
sidang akhbar minggu depan," katanya.

"Saya pergi dengan gembira," kata bekas menteri penerangan dan  
setiausaha agung Umno itu yang mengambil alih jawatan setiausaha  
agung BN  
daripada bekas timbalan perdana menteri Tun Ghafar Baba pada 22 Mac  
1994.

Ditanya apakah yang akan dilakukannya selepas ini, Mohamed hanya  
berkata: "Saya orang parti. Saya sentiasa di sini."

-- BERNAMA

HS AHH RON